

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1-2

RUANGAN : -



## Dua hari menakutkan

Oleh **HASIF IDRIS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Selama dua hari berturut-turut, perkembangan kes positif Covid-19 mencatatkan pertambahan yang membingungkan apabila sebanyak 100 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan semalam dan 62 kes kelmarin.

Peningkatan mendadak itu bukan sahaja mengusarkan kerajaan yang sudah melanjutkan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga hujung tahun ini, malah menjadikan keseluruhan kes sebanyak 9,559 dengan jumlah kes aktif kebolehhangkitan Covid-19 adalah sebanyak 295 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, 15 adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu dari India, Indonesia, Pakistan dan Filipina melibatkan dua rakyat tempatan manakala 13 kes melibatkan bukan warganegara.